

## 16 MAC 2023 | *GLOBAL SURVEYORS' DAY*TAHUN 2023 PERINGKAT INSTUN

Bahagian Ukur & Pemetaan, INSTUN telah menganjurkan program Global Surveyors' Day GSD 2023 Peringkat INSTUN pada hari ini bertempat di Auditorium INSTUN.

Majlis telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN dan dimeriahkan dengan kehadiran tetamu jemputan dari pelbagai jabatan, agensi, pelajar IPTA, pelajar sekolah serta seluruh warga INSTUN.

Sambutan tahun ini yang mengangkat tema '*The Years of Surveyors To Deliver*' telah dimeriahkan dengan penganjuran pelbagai program dan acara yang dipertandingkan secara terbuka kepada warga INSTUN, pelajar dan orang awam menerusi pertandingan Peta Kreatif, Video Pendek, Fotografi & *Caption* Kreatif Dunia Ukur, ePoster GSD, Eksplorasi Dunia Ukur dan *Run Surveyor Run*.

Tahniah diucapkan kepada urus setia Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN atas kejayaan penganjuran majlis kali ini. Selamat Hari Juruukur Sedunia 2023!













